

2

Pengurusan Ekonomi Malaysia Dalam Tahun 1997

Isu-isu Makroekonomi—Tinjauan Keseluruhan

Perkembangan makroekonomi semasa pembentangan Belanjawan 1997 terus menggalakkan. Pertumbuhan ekonomi berkembang pada tahap yang lebih mampan, iaitu 8.6% pada tahun 1996 berbanding dengan 9.5% pada tahun 1995. Defisit akaun semasa imbalan pembayaran (atau jurang tabungan-pelaburan) semakin mengecil daripada 10.5% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) pada tahun 1995 kepada 5.2% daripada KNK dalam tahun 1996. Defisit akaun semasa imbalan pembayaran ini telah dibiayai sepenuhnya oleh aliran masuk bersih modal pelaburan korporat asing jangka panjang. Imbalan asas pula berada dalam lebihan. Di samping itu, kedudukan belanjawan Kerajaan Persekutuan mencatatkan lebihan bagi tahun keempat berturut-turut. Keadaan inflasi masih rendah dengan Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat pada kadar 3.5%. Keyakinan perniagaan masih tinggi sepertimana dicerminkan oleh peningkatan yang kukuh dalam cadangan pelaburan daripada sektor perkilangan sepanjang tahun 1996. Kesemua perkembangan makroekonomi ini mencerminkan pertumbuhan ekonomi negara mantap dan lebih stabil sepanjang tahun 1996.

Pada tahun 1997, pertumbuhan ekonomi masih mantap pada kadar jangkaan 8.0%. Defisit akaun semasa imbalan pembayaran dijangka bertambah kecil dari segi peratusan KNK manakala kedudukan fiskal sektor awam masih mengekalkan lebihan. Pada masa yang sama, paras kenaikan harga pengguna terus kekal rendah. Walaupun negara mempunyai asas-asas yang kukuh, ekonomi Malaysia tidak terkecuali daripada kesan serangan spekulasi yang hebat ke atas pasaran mata wang dan saham rantau ini. Serangan

spekulasi ke atas pasaran kewangan ini telah mengakibatkan ketidaktentuan yang keterlaluan dalam pergerakan kadar faedah serta penyusutan yang ketara dalam mata wang dan harga saham tempatan pada bulan September 1997. Perkembangan ini telah menjejaskan kedudukan ringgit dan harga saham hingga nilai ringgit dan harga saham tidak menggambarkan asas-asas ekonomi yang sebenar. Jika ketidaktentuan yang berlebihan ini berpanjangan untuk tempoh yang lama, ianya boleh mewujudkan kesan-kesan ketidakstabilan dalam sistem kewangan dan ekonomi negara. Oleh itu, cabaran utama Kerajaan ialah untuk memulih kembali kestabilan dalam pasaran kewangan. Ini adalah penting untuk membolehkan pasaran kewangan berprestasi dengan cekap serta memudahkan sektor swasta untuk menjalankan perdagangan dan pelaburan, di samping untuk memastikan kadar faedah tidak terlalu dipengaruhi oleh perkembangan luar hinggalah boleh menggugat kegiatan ekonomi dalam negeri.

Cabaran jangka panjang yang dihadapi oleh Kerajaan dalam menguruskan ekonomi adalah untuk memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi pada tahap yang mampan dan memantapkan lagi asas-asas kestabilan makroekonomi. Pertumbuhan ekonomi adalah penting untuk mencapai wawasan negara sebagai sebuah negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020. Pengukuhan kestabilan makroekonomi ini, terutamanya dari segi imbalan pembayaran, imbalan fiskal sektor awam dan harga adalah penting untuk membina ketahanan ekonomi bagi menghadapi kejutan luar sebagaimana yang dialami dalam suku tahun ketiga 1997.

Usaha-usaha untuk mengekalkan pertumbuhan yang kukuh dalam keadaan makroekonomi yang stabil semakin mencabar kerana kepesatan

pertumbuhan ekonomi sejak 1988, pada kadar purata 8.9% setahun, telah mewujudkan kekangan dalam sumber negara. Untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi, negara memerlukan kadar pelaburan dan tahap tabungan yang lebih tinggi. Namun demikian, usaha untuk meningkatkan lagi kadar tabungan dalam negeri bagi tujuan ini mungkin terbatas kerana kadarnya 39.8% daripada KNK ini sudahpun tinggi mengikut piawaian antarabangsa. Peningkatan tabungan dalam negeri adalah penting bagi membiayai pertumbuhan ekonomi tanpa bergantung kepada pinjaman luar, memandangkan tanggungan sedemikian akan mendedahkan negara kepada pergerakan pertukaran mata wang dan kadar faedah antarabangsa yang tidak menentu. Kekurangan buruh juga boleh mewujudkan halangan kepada pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, pengambilan pekerja asing baru kini menjadi sukar kerana bilangan mereka sudahpun ramai iaitu lebih kurang 1.7 juta orang. Kehadiran pekerja asing yang amat ramai ini telah menimbulkan masalah sosial dan memberi tekanan tambahan ke atas penyediaan kemudahan sosial negara. Ianya juga mempunyai kesan negatif ke atas kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran disebabkan oleh penghantaran balik pendapatan pekerja-pekerja ini ke negara asal mereka.

Strategi untuk memupuk pertumbuhan masa depan mesti terus diasaskan kepada pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti dan bukannya oleh input. Oleh yang demikian, salah satu objektif utama Belanjawan 1997 yang dibentangkan pada 25 Oktober 1996 adalah untuk mencapai pertumbuhan mampan yang didorong oleh produktiviti. Belanjawan ini mengambilkira bahawa peningkatan produktiviti adalah strategik dalam usaha negara untuk menangani beberapa cabaran, terutamanya tekanan inflasi dan potensi kehilangan daya saingan antarabangsa akibat daripada peningkatan upah. Kenaikan upah ini selanjutnya boleh meninggikan kos buruh seunit keluaran sekiranya upah meningkat lebih pesat daripada peningkatan produktiviti.

Dari segi imbalan pembayaran, kedudukan defisit akaun semasa telah mengecil dengan ketara pada tahun 1996 dengan defisitnya dibiayai sepenuhnya oleh aliran masuk bersih modal langsung asing jangka panjang. Namun begitu, defisit ini masih perlu dikecilkan lagi untuk memperkukuhkan lagi ketahanan ekonomi daripada

kejutan luar. Punca kelemahan utama dalam imbalan pembayaran ialah defisit dalam akaun perkhidmatan yang berpanjangan. Defisit ini jauh melebihi catatan lebihan dalam akaun dagangan. Keadaan ini disebabkan oleh sektor perkhidmatan kurang berupaya untuk bersaing dalam pasaran antarabangsa. Ini juga disebabkan oleh sektor perkhidmatan kurang berupaya untuk menggantikan perkhidmatan yang diimport. Defisit dalam akaun perkhidmatan ini juga disebabkan oleh bayaran bersih pendapatan pelaburan yang tinggi berpunca daripada pelaburan asing yang tinggi di negara ini. Di samping itu, kandungan import dalam aktiviti ekonomi tempatan masih lagi tinggi kerana kelemahan rangkaian dikalangan industri. Keadaan ini telah menyebabkan nilai ditambah dalam pengeluaran industri negara berada pada tahap yang rendah.

Memperkukuhkan keupayaan eksport dan penggantian import dalam sektor dagangan dan perkhidmatan adalah penting memandangkan sistem perdagangan serantau dan antarabangsa kini semakin liberal dan terbuka di bawah Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) dan Perjanjian Am Mengenai Perdagangan Dalam Perkhidmatan (GATS). Kemunculan ekonomi pasaran bebas baru yang mempunyai tenaga buruh murah yang berlebihan semakin memberi saingan kepada eksport Malaysia. Lantaran itu, isu yang menggugat daya saingan perlu diatasi dengan bersungguh-sungguh. Begitu juga cabaran liberalisasi pasaran dalam negeri perlu ditangani secara berhati-hati supaya Malaysia dapat meraih faedah daripada pengembangan perdagangan dunia yang semakin liberal.

Salah satu faktor penyumbang kepada defisit akaun semasa imbalan pembayaran dalam beberapa tahun kebelakangan ini adalah peningkatan tekanan permintaan akibat daripada pertumbuhan pendapatan dan pelaburan yang kukuh. Meskipun pertumbuhan permintaan dalam negeri menjadi lebih perlahan pada tahun 1996, langkah pengurusan permintaan selanjutnya masih diperlukan supaya permintaan dapat disesuaikan dengan pertumbuhan pengeluaran. Langkah ini penting bagi memastikan kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran kekal mampan dan sumber negara dapat diagihkan secara lebih cekap untuk kegunaan yang produktif. Untuk mengurus permintaan, tumpuan akan diberi untuk mengurangkan penggunaan yang berlebihan,

menggalakkan tabungan dan mengutamakan pengalihan sumber kepada pelaburan yang lebih produktif, terutamanya yang boleh mengembangkan kapasiti eksport ekonomi negara.

Walaupun kadar inflasi masih sederhana (diukur mengikut Indeks Harga Pengguna (IHP)), ianya telah meningkat sedikit daripada 3.4% pada tahun 1995 kepada 3.5% pada tahun 1996. Peningkatan ini disebabkan oleh kenaikan dalam IHP makanan yang telah meningkat daripada 4.9% kepada 5.7% disebabkan oleh kekangan penawaran. Tekanan ke atas harga tempatan juga dipengaruhi oleh upah yang lebih tinggi sehingga ianya mengatasi peningkatan produktiviti dalam tahun 1996. Walaupun peningkatan harga barangan pengguna dan perkhidmatan kekal sederhana tetapi inflasi aset telah menjadi perkara yang merungsingkan memandangkan harga hartanah telah meningkat pada kadar dua angka dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Pinjaman yang mudah diperolehi, peningkatan pendapatan yang kukuh serta prospek keuntungan yang besar merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan harga hartanah. Justeru itu, isu-isu mengenai lebih permintaan dan tekanan harga perlu diberi perhatian untuk mengelakkan kemerosotan pendapatan sebenar, mengawal kos kendalian perniagaan, mengurangkan potensi risiko berkait dengan inflasi aset dan memastikan kestabilan makroekonomi yang berterusan.

Memandangkan kadar pelaburan adalah tinggi dalam beberapa tahun kebelakangan ini, maka lebih banyak sumber perlu digembleng melalui pasaran kewangan dalam negeri supaya negara dapat mengurangkan pergantungannya kepada pembiayaan luar. Oleh itu, pasaran kewangan perlu cekap dan berkesan untuk mengemblengkan dana pelaburan. Walaupun pasaran saham Malaysia telah maju dari segi permodalan dan mudah tunai, pasaran bon secara relatifnya masih belum mencapai tahap kemajuan sepenuhnya. Halangan-halangan utama bagi pembangunan pasaran bon ialah kejatuhan penawaran dalam kertas-kertas Kerajaan yang boleh diniagakan berikutan daripada lebih belanjawan Kerajaan Persekutuan, terlalu banyak perjanjian jual beli yang sudah dimeteri dan ketiadaan pasaran perniagaan sekunder. Dengan itu, inisiatif-inisiatif selanjutnya diperlukan untuk membangunkan lagi pasaran kewangan, terutamanya sekuriti hutang swasta, bagi memenuhi keperluan sumber yang semakin meningkat dalam keadaan ekonomi yang

berkembang pesat. Ianya juga adalah untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai pusat pasaran modal dan perkhidmatan serantau.

Pertumbuhan ekonomi mesti disertai dengan pembangunan dan keadilan sosial untuk memastikan semua lapisan masyarakat mendapat faedah daripada proses pertumbuhan. Oleh itu, isu-isu berkaitan dengan pembasmian kemiskinan, pembangunan luar bandar, penjagaan kesihatan, perumahan serta pembangunan belia dan wanita juga memerlukan penelitian dasar selanjutnya. Tindakan untuk menyemai budaya penyayang, mengurangkan penyakit sosial, melindungi alam sekitar dan menggalakkan kesenian dan kebudayaan perlu juga diberi perhatian sebagai sebahagian daripada agenda sosial yang berterusan untuk memastikan keseimbangan pembangunan.

Inisiatif-inisiatif Dasar

Pengenalan langkah-langkah dasar negara sejak pembentangan Belanjawan 1997 sehingga September 1997 adalah dalam bentuk usaha-usaha jangka pendek dan panjang. Langkah-langkah jangka pendek lebih menitikberatkan usaha untuk mengembalikan semula kestabilan pasaran pertukaran wang dan ekuiti yang dijejaskan oleh serangan spekulasi yang dicetuskan oleh perkembangan di Thailand. Dengan itu, langkah-langkah yang diambil perlu perihatin bagi menghadapi perkembangan tidak dijangka yang boleh menggugat ketidakstabilan ekonomi negara. Langkah-langkah jangka panjang yang dikemukakan semasa pembentangan Belanjawan 1997 adalah bertujuan terutamanya untuk:

- (i) mencapai pertumbuhan mampan melalui peningkatan produktiviti; dan
- (ii) memperkukuhkan kedudukan imbangan pembayaran melalui peningkatan keupayaan sektor perkhidmatan dan mempertingkatkan pengeluaran tempatan.

Mengembalikan Kestabilan Dalam Pasaran Kewangan

Beberapa mata wang negara ASEAN, termasuk ringgit, telah terdedah kepada serangan spekulasi sejak pertengahan bulan Mei 1997 hingga suku

ketiga tahun 1997. Serangan spekulasi yang hebat ini telah mewujudkan ketidaktentuan dalam pergerakan kadar faedah serta penyusutan yang ketara ke atas mata wang dan harga saham tempatan sehinggakan nilai ringgit dan harga saham tidak lagi mencerminkan asas-asas ekonomi negara yang sebenar. Pada 10 Julai, kedudukan kadar faedah antara bank telah meningkat tinggi secara menyeluruh dengan kadar bagi tempoh wang semalaman meningkat kepada tahap 40.0% daripada 7.5% sehari sebelumnya sementara kadar bagi tempoh tiga bulan telah meningkat ke 8.6% daripada 7.9% sehari sebelumnya. Peningkatan ini adalah berpunca daripada penguncupan mudah tunai akibat perkembangan luar negeri. Pada 4 September 1997, indeks papan utama bagi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), iaitu Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI), telah jatuh ke paras catatan harian terendah sejak 20 April 1993 iaitu 675.15 manakala pada 30 September 1997, nilai ringgit telah jatuh kepada paras catatan yang terendah iaitu RM3.2550=AS\$1.

Kadar faedah yang kekal tinggi serta nilai ringgit dan harga saham yang terus menyusut boleh membawa kesan buruk kepada ekonomi. Oleh itu, langkah-langkah strategik telah diperkenalkan untuk memulih kembali kestabilan pasaran kewangan. Sehubungan dengan ini, pada 31 Julai 1997, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan memerlukan institusi-institusi kewangan menghadkan paras kadar pinjaman asas mereka untuk bulan Ogos mengikut paras siling bulan Julai. Seterusnya, pada 4 Ogos, Bank Negara Malaysia turut memperkenalkan langkah menghadkan tahap AS\$2 juta untuk setiap pelanggan untuk bank mengendalikan urusan niaga 'swap' tawaran ringgit berbentuk bukan perdagangan dengan pelanggan asing. Langkah ini akan memberi fleksibiliti kepada Bank Negara Malaysia untuk memulih semula kadar faedah yang berasaskan kepada keadaan dalam negara. Lanjutan daripada langkah ini, kadar faedah antara bank telah menurun semula dan sehingga pertengahan bulan Ogos, kadarnya hampir kembali mencapai paras sebelum ketidaktentuan berlebihan dalam pasaran mata wang. Pada 30 September, kadar faedah bagi tempoh wang semalaman ialah 7.07% dan bagi tempoh wang tiga bulan ialah 8.04%.

Beberapa langkah juga diperkenalkan untuk menstabilkan semula pasaran ekuiti yang mengalami kejatuhan harga disebabkan oleh

manipulasi jualan singkat melalui pinjaman skrip saham. Langkah-langkah ini adalah termasuk:

- (i) pengisytiharan semua 100 komponen saham Komposit BSKL sebagai 'sekuriti ditanda' pada 28 Ogos 1997. Dengan penandaan ini, sebarang penjualan bagi 100 saham tersebut akan dilarang kecuali sipoenjual mempunyai baki saham yang jelas (iaitu sekuriti yang nilainya telah disahkan oleh pendaftar) dalam Akaun Depositori Pusat apabila berurusan dengan syarikat broker saham untuk mengikat sesuatu kontrak penjualan. Urusan penjualan saham ini akan disekat mengikut cara 'penghantaran sebelum jual' selaras dengan peraturan bursa saham. Pembayaran 100% adalah diperlukan sebelum sesuatu kontrak pembelian itu dimeterikan dan semua kontrak yang telah dibuat mesti ditunaikan untuk catatan kemasukan buku penghantaran pada permulaan hari pasaran pertama selepas tarikh pemeterian kontrak berkenaan. Pembayaran kepada pelanggan penjualan oleh syarikat-syarikat broker saham pula adalah pada hari kedua selepas tarikh kontrak tersebut. Objektif peraturan ini ialah untuk melarang kegiatan penyelesaian kontra atau bersih sesuatu pembelian ke atas penjualan berikutnya.

Pada 5 September 1997, pihak berkuasa telah membatalkan peraturan yang telah diklasifikasikan sebagai 'sekuriti ditanda' bagi 100 saham utama dalam BSKL, memandangkan peraturan tersebut telahpun mencapai objektifnya. Namun begitu, peraturan yang tidak membenarkan urusan meminjamkan saham dan jualan singkat masih berkuasa;

- (ii) membenarkan syarikat-syarikat untuk membeli semula saham-saham mereka sendiri mengikut peruntukan baru seksyen 67A serta peraturan-peraturan yang berkaitan dalam Akta Syarikat 1965 yang berkuatkuasa pada 1 September 1997. Peruntukan-peruntukan ini bertujuan untuk menstabilkan penawaran dan permintaan sekuriti dan seterusnya terhadap harganya;

(iii) membenarkan dana-dana tempatan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Permodalan Nasional Berhad dan Tabung Amanah Pencen untuk membeli saham melebihi daripada tahap yang dibenarkan sebelum ini serta membenarkan bank-bank memberi pinjaman wang kepada mereka untuk membeli saham;

(iv) penghapusan levi RM100,000 bagi rakyat asing untuk membeli hartanah di Malaysia yang bernilai RM250,000 ke atas pada 28 Ogos 1997. Penghapusan levi ini adalah untuk meningkatkan sentimen pasaran, terutamanya bagi sektor hartanah yang harga sahamnya telah terjejas akibat daripada kemungkinan lebihan penawaran dalam segmen pasaran hartanah tertentu; dan

(v) penubuhan dana persediaan sebanyak RM60 bilion untuk menyokong pasaran saham tempatan sekiranya keadaan memerlukan.

Untuk memulihkan keyakinan dalam pasaran kewangan, Kerajaan telah mengumumkan hasratnya untuk menangguh atau menjadual semula beberapa projek infrastruktur, termasuk empangan Bakun, lapangan terbang wilayah utara, Bandaraya Linear Kuala Lumpur dan Putrajaya agar dapat mengurangkan defisit akaun semasa imbalan pembayaran negara. Bagi Putrajaya, hanya fasa pertama projek akan dilaksanakan buat sementara ini. Untuk mengurangkan import, pembelian barangan luar negeri yang besar oleh agensi-agensi Kerajaan akan dikaji semula dan dibatalkan jika boleh, manakala Ahli-ahli Pentadbiran dan pegawai-pegawai awam yang layak akan diberikan kereta Proton bagi menggantikan kereta-kereta mewah yang diimport. Bagi projek-projek penswastaan, hanya projek-projek yang penting untuk mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi jangka panjang dan menggunakan kandungan import yang berpatutan akan dibenar untuk diteruskan. Kerajaan telah juga mengumumkan potongan menyeluruh sebanyak 2% ke atas perbelanjaan Kerajaan untuk mencapai lebihan Belanjawan keseluruhan yang lebih tinggi untuk tahun 1998, sebagai sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan tabungan.

Langkah ini dapat mengurangkan pergantungan negara kepada sumber-sumber asing, khususnya hutang bagi membiayai pertumbuhan ekonomi serta untuk memastikan kestabilan harga. Kesemua langkah-langkah ini termasuk langkah-langkah yang akan diperkenalkan dalam Belanjawan 1998 dijangka akan membantu mengembalikan semula keyakinan dan kestabilan pasaran kewangan.

Menggalakkan Pertumbuhan Mampan Melalui Peningkatan Produktiviti

Ke arah pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti

Untuk memupuk pertumbuhan ekonomi berlandaskan peningkatan produktiviti, tumpuan dasar ialah ke arah meninggikan kecekapan melalui penggunaan teknologi tinggi, meningkatkan mutu pelaburan dan mempercepatkan pembangunan sumber manusia. Ini adalah selaras dengan usaha negara untuk mengukuhkan lagi keupayaan teknologi, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta kemahiran pengurusan dan keusahawanan. Strategi untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang didorong oleh produktiviti melibatkan penambahan nilai rantai proses perkilangan serta mempertingkatkan kecekapan sistem kewangan dalam menggembungkan tabungan dan mengagihkan dana untuk kegunaan yang lebih produktif. Lantaran itu, beberapa langkah telah diperkenalkan dalam Belanjawan 1997 untuk melengkap dan mengukuh usaha-usaha yang terdahulu bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang didorong oleh produktiviti. Salah satu daripada langkah yang diperkenalkan semasa Belanjawan 1997 ialah peruntukan Elaun Pelaburan Semula sebanyak 60% yang berasaskan kepada pengecualian 100% pendapatan berkanun untuk menggalakkan firma-firma perkilangan dan pertanian melabur semula dalam peralatan yang boleh meninggikan produktiviti mereka secara ketara melalui perubahan dalam teknik pengeluaran. Sebelum ini, pengecualian cukai di bawah Elaun Pelaburan Semula dibenarkan setakat 70% daripada pendapatan berkanun dalam sesuatu tahun taksiran. Pengecualian cukai ini adalah sebagai insentif untuk menggalakkan firma-firma perkilangan dan pertanian untuk membesarkan kapasiti, mempelbagaikan keluaran atau memodenkan operasi yang tidak semestinya membawa kepada peningkatan produktiviti.

Ke arah industri-industri masa hadapan

Strategi untuk mendorong pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan produktiviti di masa hadapan akan melibatkan pembangunan industri-industri berasaskan pengetahuan, berintensif teknologi dan berteknologi tinggi. Berhubung dengan ini, Kerajaan telah menyediakan insentif-insentif khas untuk menggalakkan industri-industri berteknologi tinggi, khususnya industri yang menghasilkan keluaran fabrikasi wafer yang menjadi asas kepada industri semikonduktor. Ini akan memperkukuhkan rangkaian antara industri-industri berkenaan sambil dapat meningkatkan kemahiran sumber manusia mereka. Salah satu teras utama untuk meningkatkan produktiviti dan meninggikan daya saingan antarabangsa Malaysia ialah melalui bidang teknologi maklumat (IT) dengan tumpuan utama diberi kepada Koridor Raya Multimedia (MSC). Tujuh bidang khas atau aplikasi peneraju telah dikenalpasti untuk dilaksanakan di bawah MSC, meliputi teleperubatan, sekolah canggih, kelompok penyelidikan dan pembangunan, dan pemakaian kad pelbagaiguna. Di samping menjadi pemangkin kepada pembangunan industri berasaskan IT, MSC juga akan memudahkan sektor industri untuk menerima pakai proses perkilangan berasaskan teknologi dan pengetahuan dan lain-lain bidang yang berkaitan. Usaha-usaha ini juga akan menggiatkan pembangunan ke arah perkilangan dan kejuruteraan bercorak jaringan sokongan berjarak jauh. Jaringan ini akan membolehkan syarikat-syarikat daripada negara-negara berkos tinggi menghubungi secara elektronik kilang-kilang di serata Malaysia dan Asia sebagai tambahan kepada operasi tempatan mereka. Melalui MSC, negara akan merintis pelaksanaan 'kerajaan elektronik' di mana pusat pentadbiran Putrajaya akan dihubungi melalui rangkaian multimedia dengan pusat-pusat kerajaan seluruh negara.

Untuk menggalakkan syarikat-syarikat beroperasi di dalam kawasan MSC, insentif-insentif berikut telah disediakan dalam Belanjawan 1997:

- (i) pemberian Status Perintis untuk 10 tahun atau Elaun Cukai Pelaburan 100% kepada syarikat baru atau syarikat yang sedia ada berasaskan pendapatan tambahannya;
- (ii) pengecualian kesemua cukai ke atas peralatan multimedia;

- (iii) insentif khas diberikan kepada syarikat-syarikat yang kewujudannya akan menarik syarikat-syarikat lain untuk memulakan operasi mereka di dalam bandar raya IT; dan

- (iv) garis panduan khas untuk mengawal urus niaga mata wang asing dan pinjaman.

Memperhebatkan pembangunan sumber manusia

Malaysia mesti mempunyai tenaga pekerja yang berdaya saing dan berkebolehan teknologi untuk membawa negara kepada tahap kompetitif yang lebih tinggi dalam perdagangan dan perkhidmatan antarabangsa. Tenaga buruh yang terlatih dan berkebolehan teknologi akan memudahkan industri-industri Malaysia beralih ke arah proses pengeluaran yang lebih cekap dan kurang menggunakan buruh. Peralihan ini adalah amat penting untuk meningkatkan produktiviti buruh bagi memastikan daya saingan kos memandangkan pasaran buruh masih ketat dan terus memberi tekanan ke atas upah. Oleh yang demikian, langkah memperhebatkan pembangunan sumber manusia, khususnya melalui kerjasama di antara sektor awam dan swasta, kekal menjadi teras dasar awam utama. Ini bukan sahaja untuk mewujudkan tenaga kerja berpengetahuan sains dan teknologi supaya dapat membantu pembangunan teknologi tetapi ianya juga adalah untuk membina keupayaan intelektual dalam bidang pengurusan dan keusahawanan demi mempertingkatkan kecekapan dan produktiviti di dalam semua sektor ekonomi.

Untuk membangunkan sumber manusia, Belanjawan 1997 telah memperuntukkan sejumlah RM13.2 bilion untuk pendidikan dan latihan tenaga kerja. Dari angka tersebut, sejumlah RM10.0 bilion telah diagihkan untuk sekolah-sekolah, pelaksanaan Program Komputer Dalam Pendidikan dan pembiayaan untuk institusi-institusi pengajian tinggi. Jumlah peruntukan tersebut adalah juga untuk membina dan mempertingkatkan sekolah-sekolah teknikal dan vokasional, politeknik-politeknik serta membiayai program-program latihan di Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran Belia Negara dan Pusat Giat MARA. Sejumlah RM1.2 bilion telah diperuntukkan untuk tujuan biasiswa dan pinjaman. Dengan pengkorporatan universiti-universiti, gran pelancaran sebanyak RM100 juta telah disediakan untuk Dana Pendidikan Tinggi. Tabung ini adalah skim pinjaman untuk membantu penuntut-penuntut

yang telah diberi tempat dalam institusi-institusi pengajian tinggi tempatan tetapi menghadapi masalah kewangan.

Untuk meningkatkan kapasiti negara dalam membangunkan sumber manusia, beberapa perbadanan Kerajaan telah menubuhkan institusi pengajian tinggi, termasuk Institut Teknologi Petronas di Perak, Universiti Telekom (UNITEL) di Melaka dan Universiti Tenaga Nasional di Selangor untuk melengkapkan usaha-usaha pihak swasta. Di samping itu, lebih banyak kursus telah diperkenalkan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Pembinaan Universiti Malaysia Sabah dan universiti multimedia di MSC adalah juga dalam peringkat perancangan. Sebuah Pusat Rekabentuk Teknologi akan juga ditubuhkan di Taman Teknologi Malaysia untuk melatih tenaga kerja berkemahiran dalam bidang rekabentuk. Ini akan memberi faedah kepada sektor perindustrian dalam usaha mereka untuk meninggikan kualiti keluaran mereka di pasaran antarabangsa. Selain daripada itu, untuk memperkenalkan dan menggalakkan penggunaan teknologi robotik, sebuah Pusat Mudahubah Perkilangan akan juga diwujudkan. Sebagai langkah melengkapkan perkembangan kemudahan latihan dan pendidikan di negara ini, Kerajaan telah membenarkan kemasukan pensyarah-pensyarah asing untuk mengatasi kekurangan tenaga pensyarah tempatan. Untuk menggalakkan pensyarah-pensyarah asing mengajar di Malaysia, Belanjawan Tahun 1997 telah meluluskan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 50.0% ke atas pendapatan pensyarah-pensyarah bukan pemastautin yang mengajar di institusi dan organisasi yang diluluskan. Pengecualian ini, bagaimanapun, hanya diberi kepada pensyarah-pensyarah yang mengajar bidang-bidang tertentu, umpamanya sains, kejuruteraan dan kemahiran teknikal, teknologi maklumat, teknologi tinggi, falsafah dan disiplin-disiplin kritikal lain. Di samping itu, pengecualian cukai pendapatan sebanyak 50% juga telah diberi ke atas pendapatan yang diterima oleh mana-mana syarikat atau organisasi bukan residen terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh pensyarah-pensyarah mereka dalam institusi-institusi latihan yang diluluskan.

Merapatkan Jurang Tabungan-Pelaburan

Produktiviti juga boleh ditingkatkan dengan menggunakan sumber yang sedia ada dengan

lebih cekap oleh kedua-dua sektor awam dan swasta. Dalam pengendalian dasar-dasar fiskal dan kewangan, teras utamanya ialah untuk menggalakkan penabungan dan mengurangkan pembaziran supaya sebahagian besar sumber-sumber negara dapat disalurkan untuk tujuan pelaburan yang lebih produktif. Kerajaan Persekutuan akan terus berusaha untuk mengekalkan lebih keseluruhan belanjawan bagi menokok tabungan negara supaya sektor korporat dapat memperolehi lebih banyak pembiayaan tabungan tempatan bagi membiayai pelaburan yang produktif. Perbelanjaan mengurus akan terus dikawal dengan ketat untuk mengelak pembaziran dan untuk mengawal perbelanjaan penggunaan yang kurang kritikal. Peruntukan perbelanjaan pembangunan akan memberi keutamaan kepada pendidikan dan latihan serta kesihatan untuk mempertingkatkan kualiti sumber manusia yang merupakan keperluan asas kepada peningkatan produktiviti. Pembangunan infrastruktur telah juga diberi keutamaan untuk memperbaiki kecekapan dari segi kegiatan ekonomi. Walaupun kadar tabungan negara terus meningkat dengan pesat, kenaikan jumlah pelaburan juga semakin tinggi sehingga menyebabkan jurang tabungan pelaburan yang dianggarkan sebanyak 5.2% daripada KNK dalam tahun 1996. Kedudukan sedemikian memerlukan tabungan negara dipertingkatkan lagi. Dalam hal ini, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Penggalakan Tabungan telah ditubuhkan untuk menggalakkan tabiat menabung dikalangan pelajar, suri rumahtangga dan pekerja. Ianya juga adalah untuk mengurangkan sekatan dan halangan kepada peningkatan tabungan dan menghapuskan tabiat pembaziran.

Untuk terus menggalakkan penabungan dan mengurangkan penggunaan, beberapa langkah telah diperkenalkan dalam Belanjawan 1997. Langkah-langkah ini termasuklah:

- (i) pengenalan cukai perkhidmatan sebanyak RM50 setahun ke atas semua jenis kad kredit, termasuk kad-kad yang diberi secara percuma. Cukai ini dikenakan untuk menggalakkan cara pengurusan kewangan yang berhemat dengan mengurangkan penggunaan kad kredit yang telahpun digunakan secara meluas hingga membawa kepada beban tanggungan hutang;

- (ii) pengecualian cukai pendapatan kepada koperasi yang mempunyai dana keahlian sehingga RM750,000 berbanding dengan tahap RM500,000 yang sedia ada. Pengecualian ini dibuat untuk menggalakkan koperasi-koperasi memobilasikan lebih banyak tabungan daripada ahli-ahli mereka untuk pelaburan produktif; dan
- (iii) penghapusan sekatan ke atas pelepasan bagi premium insurans hayat dengan tujuan menggalakkan penabungan. Sebelum penghapusan sekatan ini, jumlah premium ke atas insurans hayat dan caruman kepada KWSP yang dibenarkan sebagai pelepasan dalam pengiraan cukai pendapatan perseorangan ialah sehingga RM5,000 sahaja. Walau bagaimanapun, untuk premium insurans hayat, pembayar cukai hanya dibenarkan pelepasan sehingga 7% daripada nilai polisi insurans hayat. Dengan sekatan ini, pembayar cukai mungkin tidak dapat menikmati pelepasan yang diberikan dengan sepenuhnya. Penghapusan sekatan ini akan membenarkan kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana untuk menikmati pelepasan yang lebih tinggi daripada sebelum ini.

Bagi melengkapkan langkah-langkah di atas, langkah tambahan turut diperkenalkan dalam bulan September 1997 untuk menggalak dan menggemblengkan tabungan. Langkah ini adalah berkaitan dengan penggandaan had pelaburan oleh Bumiputera sehingga RM200,000 dalam Amanah Saham Nasional dan Amanah Saham Bumiputera yang merupakan skim tabungan terbesar negara. Langkah ini telah diumumkan pada 7 September 1997 dan tarikh kuatkuasa bagi pelaksanaannya dijangka dalam bulan November 1997.

Memperkuhkan Imbangan Pembayaran

Menambahbaikkan akaun perkhidmatan

Kelemahan utama imbangan pembayaran selama ini ialah kedudukan defisit yang berpanjangan dalam akaun perkhidmatan yang jauh melebihi lebihan yang dicatatkan dalam akaun dagangan. Defisit perkhidmatan ini merupakan permasalahan struktur yang memerlukan usaha-

usaha jangka panjang untuk mengatasinya. Langkah-langkah jangka panjang untuk mengukuhkan akaun perkhidmatan seperti mengembangkan kapasiti perkapalan dan penerbangan negara untuk mengeksport dan mengganti perkhidmatan yang diimport sering menimbulkan kesan timbal balas yang buruk dalam jangka pendek dari segi pengimportan besar kapal dan kapal terbang. Begitu juga bagi mengimbangi keuntungan dan dividen yang dibawa keluar oleh pelabur asing di negara ini, syarikat-syarikat Malaysia perlu melabur di luar negara. Kesan sertamerta yang tidak dapat dielakkan adalah ke atas pengurangan tabungan negara yang sedia ada untuk membiayai pelaburan tempatan sambil menjejaskan kedudukan rizab luar negara. Sungguhpun demikian, langkah-langkah terdahulu untuk mengukuhkan akaun perkhidmatan imbangan pembayaran telah menunjukkan hasil yang menggalakkan. Eksport perkhidmatan yang boleh diniagakan (tidak termasuk terimaan pendapatan pelaburan) telah meningkat dengan ketara sebanyak 25.7% pada tahun 1996 manakala import perkhidmatan yang boleh diniagakan (tidak termasuk bayaran pendapatan pelaburan) meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 16.9% pada tahun 1996. Perkembangan yang menggalakkan ini telah membolehkan defisit dalam akaun perkhidmatan yang boleh diniagakan mengecil bukan sahaja dari segi peratusan KNK tetapi juga dalam nilai mutlak.

Untuk menambahbaik lagi akaun perkhidmatan imbangan pembayaran, beberapa langkah telah dikemukakan dalam Belanjawan Tahun 1997:

- (i) untuk memajukan eksport perkhidmatan profesional, termasuk bidang kewangan, kejuruteraan, perundangan dan perakaunan, urusan pengeksportan perkhidmatan ini dikecualikan daripada cukai perkhidmatan. Begitu juga bagi cukai perkhidmatan ke atas hospital swasta, kecuali untuk penyediaan makanan dan tempat tinggal, turut diberi pengecualian;
- (ii) untuk menggalak syarikat-syarikat swasta membantu usaha-usaha Kerajaan dalam mempromosikan industri pelancongan, insentif cukai berbentuk Elaun Cukai Pelaburan atau Status Perintis untuk selama 5 tahun telah diberi kepada syarikat-syarikat yang memajukan projek-

projek pelancongan seperti hotel berkost rendah dan sederhana, projek-projek rekreasi dan khemah percutian, pusat persidangan berkeluasan tertentu dan pemodenan hotel yang sedia ada. Di samping itu, penganjur persidangan yang membawa sekurang-kurangnya 500 peserta asing turut diberi pengecualian cukai pendapatan sehingga tahun 2000. Langkah ini adalah untuk memperkenalkan Malaysia sebagai pusat persidangan dan untuk membantu melengkapi peruntukan perbelanjaan bagi memajukan industri pelancongan. Pada masa yang sama, Belanjawan 1997 telah memperuntukkan sejumlah RM294.5 juta untuk sektor pelancongan, termasuk peruntukan bagi hotel-hotel sederhana, peningkatan kemudahan-kemudahan rumah rehat dan penggalakan kegiatan pelancong;

- (iii) untuk terus menyokong pertumbuhan industri perkapalan negara, peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta disediakan di bawah Tabung Perkapalan untuk meningkatkan lagi jumlah tabung yang sedia ada kepada RM1.3 bilion; dan
- (iv) untuk menggalak pelabur-pelabur Malaysia membawa kembali keuntungan mereka ke Malaysia, had siling akaun mata wang asing bagi pengeksport Malaysia yang layak mengendalikannya telah dinaikkan daripada AS\$5 juta kepada AS\$10 juta. Pengeksport-pengeksport ini dibenarkan mengendali lebih daripada satu akaun mata wang asing selagi kelayakan mereka di bawah had yang diluluskan. Langkah-langkah ini adalah tambahan kepada peruntukan pengecualian cukai yang telah diberi dalam Belanjawan 1995 mengenai pemulangan kembali keuntungan oleh pelabur Malaysia ke Malaysia.

Menambahbaikkan akaun dagangan

Walaupun akaun dagangan pada kebiasaannya merupakan punca kekuatan dalam imbang pembayaran, namun begitu saiz lebihannya masih tidak mencukupi untuk menampung defisit

perkhidmatan. Import dagangan kekal tinggi akibat kegiatan ekonomi tempatan yang terlalu bergantung kepada pengimportan barangan perantaraan dan modal. Pergantungan ini dicerminkan oleh nisbah import barangan perantaraan kepada KDNK nominal yang tinggi sebanyak 52.4% pada tahun 1996. Kelemahan rangkaian di kalangan sektor perindustrian telah menyebabkan kegiatan ekonomi tempatan terlalu bergantung kepada pengimportan barangan perantaraan dan modal. Tambahan pula, nilai ditambah yang rendah dalam kegiatan perkilangan yang cenderung kepada kerja-kerja pemasangan dan pengeluaran alat dan kelengkapan yang mudah diperbuat juga menyumbang kepada keadaan yang tidak memuaskan ini.

Pembangunan industri-industri kecil dan sederhana (IKS), khususnya bagi mengeluarkan komponen dan peralatan yang berkualiti tinggi untuk keperluan firma-firma besar, boleh membantu mengurangkan pergantungan negara yang keterlaluan ke atas pengimportan barangan perantaraan. Sehubungan dengan ini, Kerajaan telah mengadakan beberapa program khusus untuk memperkukuhkan rangkaian perindustrian antara firma-firma besar dengan IKS sebagai pembekal komponen. Untuk memperkukuhkan lagi rangkaian ini, Belanjawan Tahun 1997 telah membenarkan potongan cukai ke atas perbelanjaan yang ditanggung oleh firma-firma besar untuk menjalankan pengauditan kilang, latihan dan pengujian keluaran IKS. Penyertaan IKS dalam program rangkaian perindustrian dan pengeluaran barangan perantaraan juga diberi pengecualian cukai sepenuhnya untuk selama lima tahun. Di samping itu, firma-firma yang mengeluarkan barangan berkualiti yang berupaya menembusi pasaran dunia akan turut diberi pengecualian cukai sepenuhnya selama 10 tahun.

Langkah-langkah khusus telah juga diperkenalkan untuk meningkatkan pengeluaran tempatan dan tidak menggalakkan pengimportan barangan perantaraan dan modal. Langkah-langkah ini termasuk:

- (i) penarikan balik sertamerta pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas barangan gantian dan bahan gunahabis dalam kegiatan perkilangan, seperti skrew dan selak, penapis, injap, gasket, bata dikilang semula, batu pengisar, kertas pasir dan bahan pencepat;

- (ii) penarikan pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan hotel tertentu, seperti barang tembikar, alat pemotong, dan kain linen dan penutup berkuatkuasa sertamerta. Walau bagaimanapun, pengecualian cukai tersebut akan terus diberi kepada peralatan modal tertentu yang tidak dikeluarkan dalam negeri;
- (iii) pengurangan pengecualian duti import secara beransur-ansur ke atas komponen-komponen yang digunakan dalam industri pemasangan. Komponen-komponen ini termasuk tiub sinaran *adaptors cathode*, *fly back transformer*, unit kawalan jauh untuk pemasangan television; motor, kompresor, kondenser, pengering dan pengewapan untuk industri pendingin udara; dan pemasangan *head*, selinder, *crank shaft* dan *sprocket* untuk industri pemasangan enjin motosikal. Sebagai permulaan, komponen-komponen tersebut yang tertaluk kepada duti import sebanyak 5% atau lebih, perlu membayar duti import sekurang-kurangnya 5% berkuatkuasa sertamerta; dan
- (iv) pengenaan duti-duti import sebanyak 5% hingga 20% ke atas pengimportan jentera berat, seperti jentolak, jenkaut dan *pile-drivers*. Langkah ini merupakan langkah tambahan yang diperkenalkan dalam Belanjawan Tahun 1996 yang telah menyenaraikan pembaikan semula jentera berat sebagai kegiatan yang digalakkan.

Persaingan diperingkat antarabangsa yang kian bertambah telah membawa kesan negatif ke atas harga eksport barangan perkilangan Malaysia pada tahun 1996. Ini, berserta dengan kejatuhan dalam nilai eksport barangan pertanian, telah membawa kepada penurunan dalam kadar pertumbuhan nilai eksport kasar kepada 6.5% pada 1996 daripada 20.2% pada tahun 1995. Memandangkan keadaan ini, daya saingan sektor eksport perlu diperkukuhkan lagi. Pengambilalihan hak empunya dan usaha menggalakkan Malaysia sebagai pusat perolehan antarabangsa merupakan usaha strategik untuk meningkatkan daya saingan antarabangsa negara serta meningkatkan nilai

rantaian sektor perkilangan. Selaras dengan usaha-usaha ini, Belanjawan 1997 telah membenarkan perbelanjaan yang berkaitan dengan pembelian paten, rekabentuk, model, pelan, cap dagangan atau jenama dan hak-hak seumpamanya ditolak dalam pengiraan cukai pendapatan mulai dari tahun taksiran 1997. Pembelian hak ini akan menjimatkan masa yang diperlukan oleh firma-firma untuk membangunkan teknologi terkini dan mempromosi pemasaran keluarannya. Pada masa yang sama, untuk menarik syarikat multinasional (MNC) menjadikan Malaysia sebagai pusat pemasaran dan pengagihan, Belanjawan 1997 telah memperkenalkan beberapa insentif untuk menggalakkan penubuhan Pusat Perolehan Antarabangsa. Insentif-insentif ini ialah:

- (a) fleksibiliti dalam membawa masuk pegawai dagang mengikut keperluan, pengendalian pelbagai akaun mata wang asing, penyertaan dalam kontrak pertukaran hadapan mata wang asing dan pengecualian daripada mematuhi garis panduan mengenai pemilikan ekuiti asing ke atas perniagaan runcit; dan
- (b) pengecualian cukai untuk bahan-bahan mentah, keluaran komponen dan barang siap yang dibawa masuk ke dalam Zon Bebas dan Gudang Pengilangan Berlesen untuk tujuan pembungkusan semula, pengumpulan dan pengintegrasian kargo sebelum pengagihan kepada pengguna akhir.

Langkah-langkah di atas juga bertujuan untuk mencapai objektif Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP2) yang telah dilancarkan pada 28 November 1996. Teras strategi IMP2 ialah untuk mengorientasikan sektor perkilangan untuk menjadi pengusaha global dari segi kelas dan saiz. Teras strategi ini bertujuan untuk meningkatkan rangkaian perindustrian, meninggikan produktiviti dan daya saing sektor perkilangan dengan mengutamakan integrasi operasi pengilangan yang sepenuhnya melalui nilai rantai. Nilai rantai ini akan memberi penumpuan ke atas kegiatan-kegiatan selain daripada bidang pengeluaran dan pemasangan untuk meliputi juga R&D dan kebolehan rekabentuk; dan pembangunan industri sokongan integrasi, terutamanya IKS, pembungkusan, pemasaran dan pengagihan.

Membendung Tekanan Inflasi

Kenaikan harga makanan telah menyumbang kira-kira separuh kepada kenaikan Indeks Harga Pengguna keseluruhan pada sepanjang tahun 1996. Sebagai suatu usaha yang berterusan untuk membendung tekanan ke atas harga makanan, sejumlah RM1.7 bilion telah diperuntukkan dalam Belanjawan 1997 bagi pertanian, perikanan dan ternakan disamping meningkatkan kecekapan sistem pemasaran dan pengagihan. Peruntukan sebanyak RM92.1 juta disediakan untuk program-program memerangi inflasi. Program-program ini termasuk kempen inflasi sifar dan pengawalan harga ke atas 75 barangan perlu bagi kumpulan berpendapatan rendah di samping menyekat amalan perniagaan yang tidak beretika. Memandangkan kenaikan harga bahan-bahan boleh membawa kepada tekanan inflasi tolakan kos, Belanjawan 1997 membenarkan pekilang-pakilang barangan terpilih tanpa cukai untuk mendapatkan bahan-bahan mentah dan komponen yang bebas daripada cukai jualan. Kebenaran ini meliputi semua peralatan komputer termasuk modem, bahan-bahan pembungkusan untuk pelbagai jenis barangan, bahan-bahan pembuatan untuk industri batik dan percetakan; pembikinan tayar celup dan alat penyembur kegunaan pertanian. Sebagai tambahan kepada langkah-langkah ini, duti import dan cukai jualan telah dimansuhkan atau dikurangkan bagi beberapa jenis barangan seperti keluaran dalam tin ikan bilis, tenggiri dan tuna, logam campuran pergigian, kosmetik, pewangi, produk kertas dan semua jenis kertas percetakan bagi mengurangkan kos penerbitan, khususnya item kegunaan sekolah.

Membangunkan Sektor Kewangan Yang Dinamik

Perkhidmatan kewangan dan perbankan yang telah maju adalah penting bagi memobilisasikan sumber dengan cekap dan berkesan untuk pembiayaan pembentukan modal. Menyedari hakikat ini, proses reformasi perkhidmatan perbankan dan kewangan telah dimulakan dengan meliberalisasikan secara progresif perkhidmatan-perkhidmatan berkaitan. Pengenalan Sistem Kawalan Dua Kumpulan (Tier) untuk menggalakkan institusi-institusi kewangan mempertingkatkan daya saing mereka serta penubuhan Bursa Opsyen

dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur dan Bursa Kewangan Malaysia pada tahun 1996 merupakan sebahagian daripada proses liberalisasi berkenaan. Bagi mengembangkan lagi perkhidmatan kewangan dan perbankan, beberapa langkah telah diumumkan dalam Belanjawan 1997. Langkah-langkah tersebut termasuk:

(i) Perkhidmatan Broker Sekuriti.

Bagi membolehkan broker-broker tempatan bersaing dengan broker asing, firma-firma broker sekuriti tempatan telah diberi kebenaran untuk mengendalikan unit amanah, menjalankan pengurusan dana, dan mengusahakan kegiatan taja-jamin dan menerbitkan waran panggilan. Firma-firma ini juga dibenarkan untuk mengurus penyenaian syarikat-syarikat serta menjalankan transaksi saham berelektronik tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Untuk membolehkan broker-broker ini mendapat kepakaran dari firma asing, Belanjawan 1997 membenarkan firma asing memiliki ekuiti sehingga 49% di dalam firma broker tempatan.

(ii) Perkhidmatan Pengurusan Dana

Untuk membangunkan industri pengurusan dana, Belanjawan 1997 telah merasionalisasikan cukai yang berkaitan dengan aktiviti pengurusan dana. Rasionalisasi ini termasuk:

- (a) memperluaskan kadar cukai konsesi sebanyak 10% yang dinikmati oleh syarikat-syarikat pengurusan dana asing ke atas punca pendapatan yang diperolehi daripada pengurusan dana dari luar Malaysia kepada pengurusan dana tempatan; dan
- (b) mengecualikan bayaran cukai ke atas keuntungan daripada pelaburan oleh dana tertutup serta membenarkan pemegang saham diberi pengecualian cukai pendapatan ke atas dividen yang diisytiharkan daripada pendapatan yang dikecualikan.

(iii) Bon Tanda Aras

Kerajaan akan menerbitkan siri bon yang bertujuan untuk mewujudkan lengkung tanda aras pulangan di dalam pasaran sekuriti hutang swasta. Siri bon ini berbentuk bon kupon sifar dan akan diterbitkan secara berkala mengikut tempoh matang jangka pendek, sederhana dan panjang. Bon tanda aras ini juga akan memenuhi prinsip syariah Islam dengan mempunyai ciri-ciri murabahah dan bai'al-dayn. Pada bulan September 1997, Khazanah Holdings Berhad telah menerbitkan siri pertama bon bertanda aras bernilai RM1 bilion. Penawaran RM1 bilion ini telah terlebih langgan dengan nilai sebanyak RM2.262 bilion. Bagi nilai muka sebanyak RM100, pembeli perlu membayar RM79.44 bagi bon jangka tempoh tiga tahun. Penerbitan bon bertanda ini akan memajukan lagi pasaran sekuriti hutang swasta supaya dapat mempelbagaikan pasaran modal. Dengan ini, pihak swasta akan mempunyai sumber pilihan untuk memperolehi dana. Ini akan dapat mengurangkan pergantungan mereka kepada pasaran ekuiti.

(iv) Sistem Perbankan

Di bawah Sistem Kawalan Dua Kumpulan (Tier), institusi-institusi kewangan yang dipermodalkan dengan secukupnya dan diuruskan dengan baik akan dibenarkan beroperasi dalam suasana yang lebih liberal, manakala operasi institusi yang lebih lemah akan terus dikawalselia dengan rapi. Sehubungan dengan ini, bank-bank saudagar Kumpulan 1 telah dibenarkan berurusan dalam perniagaan pertukaran asing dan melabur dalam saham yang disenaraikan di bursa-bursa saham ASEAN. Ekoran daripada pengumuman yang dibuat dalam Belanjawan 1997, bank-bank perdagangan Kumpulan 1 juga akan dibenarkan untuk menjalankan perniagaan sekuriti dan pinjaman serta bergiat dalam ekuiti derivatif

(v) Perniagaan Sekuriti Tanpa Skrip

Sebagai instrumen tambahan kepada perniagaan tanpa skrip, sistem pemindahan elektronik untuk dana dan sekuriti (SPEEDS) telah diperluaskan untuk merangkumi bon-bon korporat yang tidak disenaraikan. Langkah ini diadakan untuk meningkatkan mudah tunai di dalam pasaran bon memandangkan perniagaan dan penjelasan bon boleh dilakukan secara elektronik melalui SPEEDS.

(vi) Mengadakan Indeks Saham Islam

Dengan tujuan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat kewangan Islam serantau, indeks saham Islam akan diperkenalkan di BSKL. Indeks ini akan menyediakan petunjuk untuk syarikat-syarikat yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah (SAC). Pada 18 Jun, SAC telah meluluskan senarai awal sebanyak 371 syarikat yang disenaraikan di BSKL sebagai sekuriti yang diluluskan. Memandangkan syarikat-syarikat ini adalah disenaraikan di kedua-dua papan Utama dan Kedua BSKL, satu indeks bagi setiap papan perlu diwujudkan oleh BSKL.

(vii) Pasaran Atas Kaunter

Bagi melengkapkan usaha kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat pasaran modal serantau, pasaran atas kaunter (OTC) akan diperkenalkan. Pasaran ini akan membolehkan saham syarikat-syarikat berteknologi tinggi diiniagakan walaupun masih belum mempunyai rekod keuntungan. Sehubungan dengan ini, Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia (MESDAQ) dijangka akan dilancarkan pada penghujung tahun 1997.

(viii) Lembaga Standard Perakaunan Malaysia dan Yayasan Laporan Kewangan

Perkembangan pasaran modal memerlukan tahap laporan dan pendedahan yang tinggi. Sehubungan dengan ini, kerajaan telah mengumumkan hasratnya dalam Belanjawan 1996 untuk

menubuh sebuah Yayasan Laporan Kewangan dan Lembaga Standard Perakaunan bagi mengubal piawaian perakaunan dan mengenalpasti bidang-bidang peraturan dan penguatkuasaan. Rang Undang-undang berkenaan telah dibentang di Parlimen seperti yang dinyatakan dalam Belanjawan 1997, dan seterusnya kedua-dua Yayasan dan Lembaga tersebut telah mula beroperasi pada 1 Julai 1997.

Menggalakkan Labuan sebagai pasaran kewangan luar pesisir

Untuk menggalakkan lagi Labuan sebagai pasaran kewangan luar pesisir, undang-undang sekuriti akan digubal khusus untuk menggalakkan kegiatan pasaran saham di Labuan. Akta Syarikat Luar Pesisir akan dipinda bagi membolehkan rakyat Malaysia memiliki syarikat luar pesisir dan bagi rakyat bukan Malaysia yang memiliki syarikat luar pesisir pula boleh membuat pelaburan portfolio di Malaysia. Aktiviti kewangan berasaskan prinsip Syariah termasuk sistem perbankan tanpa faedah, Takaful, pengurusan dana, pasaran pinjaman dan sekuriti hutang swasta akan digalakkan. Bagi maksud ini, Akta Perbankan Luar Pesisir akan dipinda untuk membolehkan bank-bank saudagar dan bank-bank Islam beroperasi di Labuan. Sebagai langkah untuk memajukan lagi Labuan, Belanjawan 1997 telah memperkenalkan beberapa insentif :

- (i) pengecualian cukai sebanyak 65% daripada pendapatan berkanun syarikat yang memberi perkhidmatan profesional yang layak kepada syarikat-syarikat luar pesisir. Pengecualian ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1997 hingga 2000;
- (ii) perlanjutan pengecualian cukai sebanyak 50% daripada pendapatan kasar pekerja asing diperingkat pengurusan yang berkhidmat dengan syarikat luar pesisir sehingga tahun taksiran 2000;
- (iii) pengurangan tempoh berada di Labuan dari 72 jam kepada 24 jam untuk layak membeli barangan bebas cukai yang layak; dan
- (iv) pengurangan cukai jalan sebanyak 50%.

Pengurusan Fiskal

Sebagai suatu usaha untuk menambahbaikkan lagi kedudukan imbalan pembayaran dan juga kedudukan sumber negara, maka Kerajaan Persekutuan telah mengadakan lebih belanjawan yang lebih besar bagi tahun 1997, iaitu lebih belanjawan tahun kelima berturut-turut. Dalam memperuntukkan perbelanjaan pembangunan, keutamaan telah diberi kepada pembangunan sumber manusia negara, memperkukuhkan keupayaan R&D, memperluaskan asas sains dan teknologi (S&T), memperbaiki kemudahan infrastruktur, memperkukuhkan sektor perkhidmatan, membendung tekanan inflasi, menambah program-program pembangunan keusahawanan serta menangani agenda sosial.

Dari segi pencukaian, langkah-langkah yang diperkenalkan turut mengambilkira keperluan untuk menggalakkan peningkatan tabungan negara supaya dapat menambahbaikkan kedudukan keseluruhan sumber negara. Oleh itu, satu pakej cukai keseluruhan yang dikemukakan dalam Belanjawan 1997 dijangka dapat menghasilkan lebih cukai bersih sebanyak kira-kira RM320 juta kepada Kerajaan. Jumlah ini berbeza dengan belanjawan bagi dua tahun sebelumnya yang mengalami kurang cukai lebih kurang RM2 bilion setiap tahun. Perubahan dalam arah aliran ini juga mencerminkan kesungguhan usaha untuk menyederhanakan tekanan permintaan melalui Belanjawan 1997 bagi mewujudkan kestabilan makroekonomi, khususnya dalam membendung inflasi. Adalah jelas bahawa langkah-langkah cukai yang diperkenalkan dalam Belanjawan 1997 bertujuan untuk melengkapi langkah-langkah terdahulu dalam menangani cabaran-cabaran dan isu-isu yang mengancam ekonomi negara. Secara kasar, langkah-langkah tersebut bertujuan untuk:

- (i) memajukan sektor perkhidmatan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi serta sebagai penjana pertukaran asing yang cergas, khasnya dalam menangani defisit akaun semasa imbalan pembayaran; dan
- (ii) meningkatkan kapasiti pengeluaran dalam negeri, terutamanya dari segi mengurangkan ketergantungan ekonomi negara ke atas pengimportan barangan perantara dan modal sambil memperkukuhkan rangkaian antara industri-industri.

Langkah-langkah pencukaian yang diperkenalkan dalam Belanjawan 1997 di atas mencerminkan hasrat sebenar dasar cukai yang berorientasikan pertumbuhan selain daripada mengelakkan pengenaan cukai-cukai baru yang boleh menimbulkan tekanan inflasi dan menjejaskan pertumbuhan. Walaupun tiada langkah-langkah penyesuaian utama diambil ke atas cukai pendapatan, lebih banyak insentif dan pengecualian cukai telah disediakan untuk melengkapkan langkah-langkah pencukaian yang terdahulu dalam usaha memampankan pertumbuhan ekonomi. Sungguhpun demikian, beberapa pengecualian cukai yang telah diberi pada masa lepas telah ditarik balik semasa Belanjawan 1997. Penarikan ini mencerminkan usaha penajaman langkah-langkah masa lalu selaras dengan ikhtiar yang sedang dilaksanakan untuk memperkukuhkan asas-asas ekonomi.

Dasar Kewangan

Tahun 1997 merupakan tahun yang mencabar dalam pengurusan dasar kewangan. Dalam suku tahun pertama, pertumbuhan kewangan meningkat pada tahap yang tinggi berikutan pertumbuhan kredit yang pesat sepertimana yang berlaku dalam sebahagian besar tahun 1996. Tambahan pula, pinjaman ini telah disalurkan untuk membiayai aktiviti-aktiviti yang kurang produktif. Perkembangan sedemikian boleh menimbulkan beberapa isu. Perkembangan kewangan yang pesat, sekiranya tidak disekat boleh menimbulkan tekanan inflasi. Tambahan pula, peningkatan pinjaman kepada sektor hartanah dan aktiviti berkaitan dengan pasaran saham telah meningkatkan pendedahan institusi perbankan kepada sektor-sektor ini yang boleh menimbulkan risiko kepada keteguhan institusi berkenaan.

Berasaskan latar belakang sedemikian, teras dasar pada tahun 1997 adalah untuk menyekat pertumbuhan kredit khususnya bagi sektor yang kurang produktif. Bagi mencapai matlamat ini, dasar kewangan telah diperketatkan secara beransur-ansur sehingga menyebabkan kadar faedah yang lebih tinggi. Namun begitu, peningkatan kadar faedah mungkin tidak dapat mempengaruhi haluan pinjaman kredit yang dikehendaki, sungguhpun peningkatan kadar faedah boleh mengakibatkan peningkatan kos pinjaman. Tambahan pula, memandangkan pertumbuhan kredit adalah sangat pesat, ini

bermakna pengubahsuaian besar kadar faedah diperlukan bagi mencapai matlamat yang dikehendaki. Keadaan ini mungkin akan meningkatkan risiko pengubahsuaian yang berlebihan bagi keseluruhan ekonomi negara. Oleh yang demikian, peningkatan kadar faedah perlu disokong oleh lain-lain langkah yang berhemat.

Berasaskan pertimbangan ini, langkah-langkah berhemat tertentu telah diumumkan pada 28 Mac 1997 sebagai langkah-langkah awal bagi mengawal peningkatan kredit kepada sektor hartanah dan untuk membeli saham. Langkah-langkah ini yang berkuatkuasa mulai 1 April 1997 adalah seperti berikut:

- (i) Semua institusi perbankan diperlukan untuk menghadkan kemudahan pinjaman mereka kepada sektor hartanah tidak melebihi 20% daripada jumlah pinjaman terkumpul mereka (tidak termasuk pembelian dan pembinaan rumah kediaman dan pangsapuri bernilai RM150,000 dan ke bawah, projek-projek infrastruktur, bangunan industri dan kilang); dan
- (ii) Had 15% yang kini dikenakan ke atas jumlah pinjaman terkumpul bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan dan 30% untuk bank-bank saudagar bagi kemudahan kredit berlandaskan cagaran saham dan dana unit amanah telah ditafsir semula bagi merangkumi kemudahan kredit yang diberi kepada pembeli saham dan dana unit amanah termasuk pinjaman kepada syarikat pemegangan dan pelaburan. Namun begitu, pemberian pinjaman untuk membeli Amanah Saham Nasional, Amanah Saham Bumiputera dan Amanah Saham Wawasan 2020 serta dana unit amanah yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri adalah dikecualikan daripada had ini.

Pengurusan dasar kewangan menjadi bertambah sukar dalam tempoh separuh kedua tahun ini memandangkan persekitaran yang tidak stabil dan ketidaktentuan pasaran kewangan serantau akibat kesan-kesan sampingan. Berikutan pengetatan mudah tunai akibat perkembangan luaran, kadar faedah pasaran antara bank, terutamanya bagi tempoh matang yang lebih pendek seperti kadar-kadar semalaman dan 3-bulan meningkat secara keseluruhannya bagi tempoh masa yang pendek

pada bulan Mei dan bagi tempoh masa yang berpanjangan pada bulan Julai. Dalam kedua-dua tempoh masa tersebut, keadaan luaran menyebabkan Bank Negara Malaysia terpaksa mengambil tindakan tegas dalam mengembalikan kestabilan dalam pasaran pertukaran mata wang asing. Ini telah mengakibatkan kesan limpahan yang tidak dapat dielakkan ke atas pasaran wang tempatan. Tahap kadar faedah yang tinggi akan menimbulkan risiko pembetulan ekonomi yang besar, sekiranya dibenarkan wujud untuk masa yang berpanjangan. Tambahan pula, pergerakan turun naik kadar faedah yang besar akan menjejaskan keyakinan para pelabur dan mewujudkan persekitaran yang kurang menentu bagi menjalankan perniagaan dan pelaburan. Bagi melindungi kadar faedah tempatan daripada perkembangan luaran ini, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan langkah sementara pada 31 Julai 1997 yang menghendaki institusi-institusi perbankan menghadkan kadar pemberian pinjaman asas (BLR) pada bulan Ogos kepada tahap tertinggi dalam bulan Julai. Langkah ini seterusnya telah dimansuhkan pada bulan berikutnya. Pada 4 Ogos 1997, Bank Negara Malaysia telah mengarahkan institusi perbankan untuk mematuhi had AS\$2 juta bagi urusan swap yang bukan berkaitan dengan perdagangan pada bahagian tawaran dengan pelanggan asing. Langkah ini bertujuan untuk menghadkan penawaran ringgit kepada para spekulator. Pada masa yang sama, mudah tunai dalam pasaran wang telah diuruskan dengan berhati-hati.

Langkah-langkah ini telah menyumbang kepada kestabilan pasaran wang tempatan. Kadar-kadar faedah antara bank mula menurun tetapi masih kekal di atas tahap sebelum berlakunya turun naik pasaran wang yang ketara, selaras dengan dasar yang ketat.

Berkaitan dengan langkah-langkah membendung pertumbuhan kredit pula, tanda-tanda penyederhanaan pertumbuhan kredit mula kelihatan kesan. Pinjaman kepada sektor harta benda yang luas telah meningkat dengan perlahan, iaitu sebanyak 27.4% daripada jumlah pinjaman yang disalurkan oleh sistem perbankan dalam tempoh suku kedua tahun 1997, berbanding dengan 30.6% bagi keseluruhan tahun 1996. Berasaskan tempoh suku tahunan, kadar pertumbuhan M3 meningkat dengan lebih perlahan daripada 5.4% dalam suku pertama kepada 3.2%

dalam suku kedua tahun 1997 (7.5% dalam suku keempat tahun 1996). Kadar pertumbuhan kredit M3 menyederhana daripada 7.5% kepada 6.9% dalam tempoh suku pertama dan kedua. Namun demikian, walaupun wujud tanda-tanda peningkatan secara perlahan dalam kredit dan pertumbuhan wang, Bank Negara Malaysia akan terus berwaspada terhadap sebarang tanda-tanda peningkatan pertumbuhan kredit. Dasar kewangan akan kekal ketat bagi memastikan pertumbuhan kredit tidak keterlaluan.

Menangani Agenda Sosial

Fokus Belanjawan 1997 melintasi batasan pengurusan ekonomi. Sungguhpun Malaysia telah mencapai kemajuan pembangunan dan kemampanan pertumbuhan ekonomi, pencapaian ini masih perlu diseimbangkan dengan pembangunan dan keadilan sosial serta pemeliharaan alam sekitar dan warisan negara. Justeru itu, Belanjawan 1997 telah menyediakan peruntukan yang besar bagi menangani agenda sosial. Untuk merapatkan jurang pendapatan di antara kawasan bandar dan desa, sejumlah RM7.051 bilion telah diperuntukkan untuk pembangunan desa. Program-program yang bertujuan untuk menyegarkan semula institusi keluarga serta memperluaskan institusi-institusi kebajikan untuk wargatua, kanak-kanak, remaja dan golongan kurang berupaya juga diberi peruntukan bagi memupuk masyarakat penyayang. Peruntukan kepada Organisasi-organisasi Bukan Kerajaan (NGO) telah ditambah kepada RM50 juta bagi membolehkan mereka menyertai secara lebih aktif dalam pembangunan kemasyarakatan. Selaras dengan hasrat negara untuk mengurangkan kadar kemiskinan kepada 5.5% menjelang tahun 2000, peruntukan yang besar sebanyak RM2.4 bilion telah disediakan untuk melaksanakan program-program bertujuan untuk mengurangkan kemiskinan. Di samping itu, peruntukan yang besar juga telah disediakan untuk mempercepatkan program-program perumahan kos rendah dan sederhana sambil mempertingkatkan pembangunan kemasyarakatan. Peruntukan juga disediakan untuk pembangunan belia dan wanita serta untuk mempromosi kegiatan teater, kesenian dan kebudayaan. Peruntukan yang besar, sebanyak RM265.4 juta telah disediakan bagi pemuliharaan alam sekitar.

Untuk memenuhi kehendak agenda sosial, beberapa langkah cukai telah diperkenalkan. Langkah-langkah tersebut termasuk:

- (i) membenarkan potongan cukai ke atas sumbangan wang tunai kepada akaun amanah di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat bagi menjalankan kajian dan melaksanakan aktiviti yang bertujuan untuk mengatasi masalah sosial;
- (ii) memperluaskan insentif eluan bangunan khas sebanyak 10% kepada sektor perkhidmatan yang diluluskan bagi penyediaan tempat tinggal kepada pekerja-pekerja mereka. Langkah ini adalah untuk menangani masalah perumahan;
- (iii) bagi mengurangkan kos yang perlu ditanggung oleh pesakit, cukai perkhidmatan yang kini dikenakan ke atas hospital akan dihadkan ke atas penyediaan makanan dan tempat tinggal sahaja. Pelepasan cukai sehingga RM5,000 akan diberi ke atas semua perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh pembayar cukai, pasangan atau anak-anak mereka berkaitan dengan perbelanjaan rawatan penyakit-penyakit yang serius seperti kanser, HIV/AIDS, penyakit buah pinggang dan leukemia. Pelepasan ini merupakan langkah tambahan yang selaras dengan usaha negara untuk memupuk masyarakat penyayang; dan
- (iv) sebagai langkah untuk mengatasi pencemaran udara, langkah-langkah cukai telah diperkenalkan bagi menggalakkan penggunaan gas asli oleh kenderaan.

Kesimpulan

Inisiatif-inisiatif dasar yang telah diperkenalkan sejak pembentangan Belanjawan 1997 hingga sepanjang sembilan bulan pertama 1997 adalah bertujuan untuk melengkapi langkah-langkah terdahulu bagi mengukuhkan asas-asas pertumbuhan jangka panjang dalam keadaan makroekonomi yang stabil. Ianya juga untuk menangani permasalahan jangka pendek yang dikaitkan dengan ketidaktentuan pasaran kewangan. Kesan daripada inisiatif-inisiatif dasar terkini dan terdahulu adalah amat menggalakkan. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negari Kasar sebenar Malaysia terus mantap sementara inflasi kekal rendah. Meskipun terdapat perkembangan yang tidak memuaskan dari segi kemerosotan dalam kadar syarat perdagangan, terutamanya disebabkan oleh harga eksport barangan perkilangan yang telah menurun, namun begitu, saiz defisit akaun semasa imbalan pembayaran dari segi peratusan kepada KNK dijangka bertambah baik dalam tahun 1997. Pengecilan defisit yang berterusan dalam akaun perkhidmatan keseluruhan imbalan pembayaran buat kali pertamanya sejak tahun 1990, menunjukkan bahawa langkah-langkah terdahulu untuk mengatasi masalah struktur yang berkaitan dengan akaun perkhidmatan telah mula mendatangkan hasil. Defisit akaun semasa masih dibiayai secukupnya dengan aliran masuk pelaburan langsung asing jangka panjang. Pada masa yang sama, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan terus kukuh, mencatatkan lebihan belanjawan keseluruhan selama lima tahun berturut-turut sejak tahun 1993. Lebihan ini dapat memperkukuhkan lagi asas-asas makroekonomi melalui peningkatan tabungan negara. Ini selanjutnya dapat mengurangkan pergantungan negara kepada pinjaman luar bagi tujuan membiayai pertumbuhan.